

# Program Baktisiswa SPKS ke Thailand

Oleh: Nurul Filzah Satarudin



Pelajar UMS bersama guru-guru SM ST Michael

AHAD, 14 APRIL – Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS) dengan kerjasama Prince Of Songkla University, Thailand telah melaksanakan program komuniti di Thailand melibatkan seramai 25 pelajar bagi mengeratkan lagi hubungan antara dua universiti di negara tersebut.

Program yang dijalankan selama seminggu bermula dari 7 April – 14 April ini telah dirasmikan oleh Timbalan Dekan (SPKS) Prof. Madya, Dr. Mohd. Dahlan Hj. A. Malek.

Program anjuran Kelab Kerja Sosial Tahun 3 ini merupakan program komuniti dimana ia hanya melibatkan pelajar-pelajar Tahun 3 SPKS sahaja.

Pengarah Program, Busra Nawawi, 25 berkata,

program ini bertujuan untuk menjalinkan hubungan kerjasama antara UMS dengan universiti luar negara (Prince Of Songkla) serta memberi peluang kepada mahasiswa/i antara dua universiti untuk melaksanakan perkongsian idea dalam membangunkan modal insan para pelajar disamping mendedahkan para pelajar tentang pembelajaran serta kehidupan masyarakat di luar negara.

“Antara aktiviti yang dijalankan adalah aktiviti bersama pelajar universiti (berkenalan), perkongsian idea dengan mereka, dibawa ke tempat-tempat yang berhampiran dengan universiti, tempat-tempat bersejarah, melihat komuniti di sana serta melakukan aktiviti khidmat masyarakat di kawasan kampung”. tambahnya lagi.

Menurutnya, “Walaupun program ini merupakan kali pertama diadakan tetapi kami membentuk program ini sebagai satu permulaan dimana akan ada lagi junior dari UMS yang akan membuat aktiviti di sana; tambahan pula mereka menyambut baik kedatangan pelajar dari UMS.”

Program ini memberi banyak manfaat kepada pelajar antaranya dapat mengetahui bagaimana komuniti negara luar yang berbeza berbanding di Sabah. Selain itu, boleh mengetahui tentang kehidupan mereka bagaimana mereka boleh hidup dengan komuniti yang hanya minoriti sahaja beragama Islam dan yang selebihnya beragama Buddha (Siam) dan seterusnya boleh mengetahui bagaimana cara hidup keislaman mereka yang berbeza.